

# Sebolehnya elakkan pertandingan — Dr. M

U.M. 5 JUN 1989

KUALA LUMPUR 14 Jun — Ahli - ahli UMNO diseru supaya seboleh - bolehnya mengelakkan pertandingan dalam persidangan tahunan cawangan yang akan bermula esok dan bahagian pada 1 Ogos.

Presiden UMNO, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad yang membuat seruan itu ketika mengadakan pertemuan dengan ketua - ketua cawangan dan bahagian termasuk Pergerakan Pemuda dan Wanita di sini petang ini bagaimanapun menegaskan jika mereka inginkan pertandingan ia tidak seharusnya dihalang.

Bercakap kepada para pemberita selepas pertemuan itu Datuk Sri Dr. Mahathir menjelaskan, jika pertandingan berjalan apa yang beliau harapkan ialah supaya ahli - ahli ingat bahawa kewibawaan parti haruslah diutamakan.

"Tugas kita yang pertama ialah menentukan kewibawaan parti supaya jangan sampai terjejas sepanjang pemilihan," ujar Datuk Sri Dr. Mahathir.

Bagaimanapun adalah difahamkan dalam pertemuan tersebut Datuk Sri Dr. Mahathir telah menyeru ahli-ahli UMNO supaya seboleh-bolehnya elakkan pertandingan untuk tempoh setahun.

Menjawab satu soalan, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata dalam parti yang mengamalkan sistem demokrasi, adalah sesuatu yang salah untuk menghalang pemilihan dari diadakan tetapi apa yang beliau nasihatkan ialah untuk mengelakkan berlakunya sekali lagi perpecahan.

"Kalau ada yang nak bertanding, kita tidak akan melarangnya tetapi kita nasihatkan supaya janganlah sampai ia menjejaskan parti.

"Kalau berlaku macam dulu lagi di mana UMNO di bawa ke mahkamah sehingga ia diharamkan hanya kerana perbuatan satu

**LIHAT MUKA 2**

## ✓ ELAKKAN PERTANDINGAN

dua orang bukan sahaja akan melemahkan semula parti tetapi juga orang Melayu," tegas beliau.

Menjawab satu soalan Datuk Sri Dr. Mahathir bagaimanapun menyatakan keyakinannya bahawa ahli - ahli UMNO kini telah menjadi semakin matang dan lebih dari itu menyayangi parti

mereka.

Sebab itulah, katanya; apabila UMNO dipulihkan mereka dengan cepat mendaftar diri sebagai ahli semula.

"Saya yakin kedatangan mereka hari ini juga adalah kerana mereka sayangkan parti mereka," kata beliau.